

Uzbekistan Ingin Tingkatkan Kerjasama Dengan Malaysia
Bernama
26 Februari, 2013

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Uzbekistan berminat memperkukuh kerjasama dengan Malaysia kerana tertarik dengan kejayaan negara mengekalkan kemakmuran dan keamanan sejak merdeka.

Rasa kagum terhadap pencapaian Malaysia itu dinyatakan Pengerusi Senat Oliy Majlis Uzbekistan, Ilgizar Matyakubovich Sobirov ketika melakukan kunjungan hormat ke atas Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri Abu Zahar Ujang dan Yang Dipertua Dewan Rakyat Tan Sri Pandikar Amin Mulia di Parlimen Selasa.

Abu Zahar ketika ditemui pemberita selepas perbincangan lebih sejam dengan Sobirov berkata Uzbekistan kagum dengan kesinambungan pemerintahan Malaysia yang berjaya menangani isu perpaduan dan ekonomi dengan baik.

"Uzbekistan turut menyatakan minat untuk memperkukuh lagi kerjasama dengan Malaysia dalam bidang sosio-ekonomi, politik dan pelancongan di peringkat kerajaan dan masyarakat di kedua-dua negara," katanya.

Abu Zahar berkata bekas jajahan Kesatuan Soviet itu menyatakan hasrat untuk mencontohi Malaysia khususnya dalam bidang pendidikan dan kewangan Islam.

Sobirov yang diiringi dua pegawai dari Kedutaan Uzbekistan di Kuala Lumpur turut berdialog bersama Senator Datuk Mohammed Najeeb Abdullah dan Senator Datuk Boon Som Inong dalam pertemuannya dengan Abu Zahar itu.

Dalam pada itu Pandikar Amin selepas menerima kunjungan hormat Sobirov berkata Uzbekistan tertarik dengan kejayaan Malaysia mengekalkan keamanan dalam sebuah masyarakat majmuk.

"Sebagai negara yang 80 peratus daripada penduduknya beragama Islam Uzbekistan kagum dengan pencapaian Malaysia," tambah beliau.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=930535>